

25 OCT 1999

Mahathir-PAS

DR MAHATHIR PERSOAL KEIKHLASAN KERJASAMA PAS DENGAN PEMBANGKANG LAIN

KUALA LUMPUR, 25 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kesanggupan PAS meminda perlembagaannya bagi menggugurkan matlamat membentuk negara Islam, jika ada, akan membuktikan sama ada parti itu ikhlas dalam pakatannya dengan parti-parti pembangkang lain.

Perdana Menteri berkata Barisan Nasional akan membandingkan perlembagaan PAS dengan persetujuannya yang dicapai melalui manifesto parti-parti pembangkang yang dikenali sebagai Barisan Alternatif yang diumumkan semalam.

"Apakah dalam perlembagaannya, PAS berkata dia berjuang untuk sebuah negara Islam?. Kalau dalam perlembagaan itu dia sebut demikian, kita nak tahu sama ada dia akan buat pindaan untuk menggugurkan hasrat untuk menubuhkan negara Islam.

"Kalau dia sanggup buat demikian, barulah kita tahu dia tidak berhajat untuk menipu DAP," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN selama dua jam, di sini.

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN dan Presiden Umno, diminta mengulas manifesto Barisan Alternatif yang dianggotai PAS, DAP, Keadilan dan Parti Rakyat Malaysia setebal 45 muka yang tidak menyentuh isu penubuhan negara Islam yang dilaung-laungkan PAS.

"Hanya dengan perjanjian dalam manifesto saja, nampak macam dia kata tak apalah, kita bersetujulah, kita menang, esok kita buat lain," kata perdana menteri.

Dr Mahathir berkata pihak pembangkang bebas membuat pelbagai janji menerusi manifesto itu kerana mengetahui ia tidak perlu ditunaikan.

"Dia boleh janji syurgapun kepada orang kerana dia tahu dia nak kalah dan dia tak perlu tunaikan janji.

"Sebab itu dia janji nak bagi gaji minimum kepada pekerja estet dan sebagainya tapi yang nak bayar ialah majikan. Sama ada majikan bersetuju atau tidak, dia tak tanya. Dia janji saja," katanya.

Menyentuh pakatan pembangkang untuk "membentangkan Belanjawan 2000 alternatif" pada Rabu ini, Dr Mahathir berkata kerajaan ingin mengetahui bagaimana pembangkang membuat perkiraan mereka.

"Dia boleh buat budget mereka untuk negara kita. Tapi kita nak tahu duit itu datang dari mana," katanya.

Menurut perdana menteri, kerajaan menyediakan belanjawan dengan mengetahui sepenuhnya punca kewangan negara dan menerusi belanjawan itu, ianya diagihkan kepada sektor-sektor tertentu.

"Tetapi saya nak tahu apa dia anggaran pendapatan kerajaan yang telah dibuat parti lawan ini dan apakah asas mereka dalam membuat anggaran pendapatan kerajaan bagi tahun 2000," katanya.

Beliau turut ditanya cadangan yang terkandung dalam manifesto pembangkang bertajuk "Ke Arah Malaysia Yang Adil" untuk menghadkan tempoh jawatan Perdana Menteri, Menteri Besar dan Ketua Menteri kepada hanya dua penggal.

"Yalah, Karpal Singh pun patut satu penggal saja jadi wakil rakyat," kata Dr Mahathir dengan nada bersahaja.

Mengenai cabaran setiausaha agung DAP Lim Kit Siang supaya BN menyertai Barisan Alternatif "bagi memastikan pilihan raya ke-10 negara ialah yang paling bersih dalam sejarah", perdana menteri berkata berbeza dengan Barisan Alternatif, BN ditubuhkan untuk memerintah negara.

Secara berseloroh, Dr Mahathir berkata: "Biasanya yang kecil masuk yang

besar. Yang besar nak masuk yang kecil, susahlah sikit."

Katanya pakatan pembangkang ditubuhkan menjelang pilihan raya, tidak seperti BN yang ditubuhkan sejak 25 tahun yang lalu.

Menyentuh cadangan pembangkang supaya tempoh kempen pilihan raya dipanjangkan, Dr Mahathir berkata: "Dua tahun tak cukupkah? Mereka telah berkempen sejak kalah tahun 1995. Tak henti-henti kempen."

Menurutnya pembangkang turut menghasut penuntut sekolah, universiti dan juga murid tadika.

"Berapa lama lagi dia nak? Kalau dia nak lebih daripada lima tahun, tak apa, kita postpone election sampai 10 tahun, boleh dia kempen," katanya.

-- BERNAMA

MAM MAI